

MBSB BANK TERUS MENYOKONG USAHAWAN KECIL MELALUI PENAJAAN FESTIRA 2024

PETALING JAYA, 20 Mac 2024 – Dalam usaha untuk menyokong usahawan kecil, MBSB Bank Berhad (MBSB Bank) meneruskan penajaan Festival Ramadan Selangor (FESTIRA) buat kali kedua.

FESTIRA yang merupakan festival Ramadan terbesar di Selangor, diilhamkan sendiri oleh Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Amirudin Shari dan dianjurkan oleh PKNS Real Estate Sdn Bhd (PREC), anak Syarikat milik penuh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS).

Kerjasama strategik di antara MBSB Bank, PREC dan Payments Network Malaysia Sdn Bhd (PayNet) ini dilihat akan memberikan manfaat dan kemudahan kepada usahawan-usahawan di premis yang dikawal selia oleh PREC menerusi penggunaan produk digital, melalui platform bayaran runcit masa nyata (RPP) yang diuruskan oleh PayNet. Kerjasama ini juga dilanjutkan kepada 150 usahawan bazaar Ramadan di mana, MBSB Bank dan PayNet telah menaja khemah dan menyediakan perkhidmatan QR DuitNow untuk memudahkan urusan jual beli. Inisiatif ini selaras dengan rancangan pendigitalan MBSB Bank dan PayNet untuk memacu transaksi tanpa tunai dalam kalangan usahawan kecil dan serdehana.

Seramai lebih 1,200 usahawan mengambil bahagian untuk berniaga di FESTIRA tahun ini yang menjual pelbagai jenis barangan keperluan Ramadan dan persediaan Aidilfitri seperti pakaian raya lelaki, wanita dan kanak-kanak, aksesori, kuih raya, barangan perhiasan dan kelengkapan rumah, makanan serta minuman dan banyak lagi.

FESTIRA yang dianjurkan buat kali ke-10 tahun ini dilancarkan di SACC Mall oleh EXCO Belia, Sukan & Keusahawanan Negeri Selangor, YB Mohd Najwan Halimi. Majlis turut dihadiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKNS, Dato' Mahmud Abbas; Ketua Pegawai Eksekutif PREC, Sr. Fakhru Radzi Ab Ghani; Ketua Pegawai Eksekutif MBSB Bank, Datuk Nor Azam M. Taib dan Pengarah Institusi Kewangan PayNet, Rahizan Rahmatullah.

FESTIRA tahun ini berlangsung di lima lokasi iaitu Kompleks PKNS Shah Alam, SACC Mall, Kompleks PKNS Bangi, Plaza Alam Sentral dan SACC Walk sepanjang bulan Ramadan.

-Tamat-

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Nik Surina Suria Nik Abdullah Jabatan Komunikasi Korporat MBSB Bank Berhad Aras 9, Menara MBSB Bank PJ Sentral 46200 Petaling Jaya, Selangor E: corporatecomms@mbsbbank.com T: 03 7455 5561	Najihah Sani Jabatan Komunikasi Korporat MBSB Bank Berhad Aras 9, Menara MBSB Bank PJ Sentral 46200 Petaling Jaya, Selangor E: corporatecomms@mbsbbank.com T: 03 7455 5561
---	--

Mengenai MBSB Bank

MBSB Bank Berhad (MBSB Bank) merupakan sebuah bank Islam sepenuhnya di Malaysia yang menyediakan kemudahan perbankan patuh syariah kepada pelanggan runcit, PKS dan korporat. Sebagai tambahan kepada senarai produk pembiayaannya, MBSB Bank, meluaskan saluran pengedarannya melalui perkhidmatan dalam talian seperti perbankan mudah alih dan cawangan maya melalui keupayaan digitalnya. Untuk maklumat lanjut, lawati www.mbsbbank.com.